



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

MAJLIS KHATAM AL-QURAN & PROGRAM ILMIAH

**MASJID JAMEK KAMPONG BHARU,
WP KUALA LUMPUR**

17 FEBRUARI 2019 (AHAD) / 3.00 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1. Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya dapat kita berhimpun di Masjid Jamek Kampong Bharu pada petang ini bagi menjayakan Program Khatam Al Quran dan Ilmiah bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2019 ini.
2. Alhamdulillah, hari ini, giliran program bersama penduduk Kampong Bharu pula diadakan salah satu daripada 21 program yang telah dirancang. Kampong Bharu

amat sinonim dengan sentimen kemelayuan dan agama islam telah dipilih menjadi tuan rumah Program Khatam Al Quran dan Ilmiah petang ini.

3. Alhamdullillah Program Khatam Al Quran pada hari ini dihadiri lebih 600 orang bukan sahaja komuniti Kampong Bharu tetapi turut melibatkan warga Kuala Lumpur yang tinggal berdekatan sini. 300 daripadanya merupakan anak-anak dari pusat-pusat tahliz di sekitar Kuala Lumpur.

4. Saya difahamkan pihak urusetia terpaksa menapis permohonan untuk peserta yang ingin terlibat dalam program khatam pada hari ini kerana sambutan terlalu menggalakkan. Saya bagi pihak pengajur ingin menzahirkan ucapan terima kasih di atas sokongan tuan/puan

5. Saya difahamkan pagi tadi juga telah diadakan sesi bersama Mufti Wilayah Persekutuan dan selepas ini pula akan diedarkan bubur lambuk yang sememangnya menjadi *signature* menu di masjid ini terutama di bulan Ramadan. Kelazatan bubur lambuk Masjid Jamek ini menjadi sebutan serata negeri.

6. Kampong Bharu menjadi salah satu keutamaan di peringkat Kementerian dalam memastikan perancangan yang telah diaturkan untuk dilaksanakan bersama penduduk Kampong Bharu adalah yang terbaik dan memberi manfaat kepada seluruh pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu ini.

7. Perancangan yang dilaksanakan seharusnya secara menyeluruh. Bukan sahaja dari aspek pembangunan fizikal, tetapi juga dari aspek penyediaan infrastruktur, keperluan awam, penjanaan ekonomi dan yang lebih penting mampu memberi pulangan setimpal kepada pemilik/pewaris yang telah lama menantikan untuk menikmati pembangunan yang telah sekian lama dirancang ini.

8. Oleh itu, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu mempunyai peranan yang amat penting dalam mencorak pembangunan masa hadapan Kampong Bharu ini. Dan semestinya memerlukan kerjasama dari semua pihak termasuklah dari tuan/puan yang merupakan pemilik/pewaris tanah di Kampong Bharu. Kita perlu selesaikan masalah yang melibatkan harta pusaka yang menjadi faktor mengapa rancangan pembangunan di sini berjalan sedikit perlahan.

9. Oleh itu, diharapkan tuan/puan selaku pemilik/pewaris tanah dapat memberikan maklum balas melalui kaji selidik yang dijalankan sebelum ini bagi memudahkan pihak Kerajaan mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Manfaat yang terbaik kepada pemilik/pewaris dan pengekalan elemen keMelayuan akan menjadi *priority* dalam menentukan perancangan pembangunan Kampong Bharu.

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Masjid Jamek Kampong Bharu dan agensi-agensi yang terlibat seperti Pusat Pungutan Zakat, YAPEIM, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan beberapa agensi lain yang telah terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini. Semoga program pada petang ini dirahmati Illahi hendaknya. Insya Allah.

Sekian, Wabilahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh